



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI  
PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA SEBERANG  
PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**  
**10.00 PAGI**

**AUDITORIUM MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmod**  
Setiausaha Bandaraya MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA MBSP

**En. Mohd. Tahir bin Othman**  
Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**En. Mat Nasir bin Hassan**  
Naib Yang Dipertua PESUKA

**En. Mohamad Nizam bin Md Shariff**  
Yang Dipertua PERMAI

**Pn. Latifah binti Razali**  
Pengerusi KOSPEMA

**Rakan - rakan Media**

**Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya, maka kita dapat berhimpun pada pagi yang barakah ini bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, wakil-wakil persatuan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, kakitangan dan Wira-Wira Oren MBSP dalam Majlis Sambutan Hari Integriti Peringkat Majlis Bandaray Seberang Perai di Auditorium Menara Bandaraya MBSP.

Pertamanya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Khidmat Pengurusan yang telah berusaha keras menganjurkan program ini. Sesungguhnya majlis ini merupakan satu usaha pengurusan MBSP untuk menyemarakkan semangat berintegriti dalam kalangan warga MBSP.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MBSP amat memberi perhatian serius terhadap masalah integriti dan etika di kalangan warga kerja MBSP tanpa mengira barisan pengurusan

tertinggi mahupun peringkat pelaksana. Kupasan integriti ini di antaranya mengaitkan elemen seperti etika iaitu tingkahlaku pekerja dan kejayaan yang melibatkan urusan yang adil dalam melaksanakan kerja mengikut KPI yang telah ditetapkan, kejujuran dan kebolehpercayaan di tempat kerja.

Justeru MBSP amat komited dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pecah amanah di kalangan kakitangan. Bagi tahun 2019, MBSP telah menerima aduan sebanyak 13 kes yang melibatkan rasuah dan salahlaku melalui Sistem Pengurusan Anti Rasuah atau *Anti-Bribery Management System* (ABMS). Kes tatatertib yang dilaporkan kepada pihak pengurusan MBSP adalah sebanyak tiga (3) kes. MBSP juga telah melaksanakan Ujian Saringan Air kencing sebanyak dua (2) kali dalam tahun 2019, memandangkan terdapat aduan terhadap kakitangan yang disyaki terlibat dengan penggunaan dadah.

MBSP adalah organisasi pertama yang dipersijilkan Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan ISO 37001:2016 (ABMS) oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 20 Oktober 2017 dengan nombor siri pensijilan ABMS 00101. Sistem ini dilaksanakan di MBSP bertujuan untuk memperkasakan pematuhan undang-undang berkaitan suapan / sogokan serta membantu mengurangkan risiko suapan. MBSP berharap agar satu

hari nanti MBSP akan menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang bebas rasuah rasuah / sogokan.

MBSP sentiasa menilai semula proses kerja supaya ia mudah dan pantas serta telus. Justeru, MBSP telah mempersijilkan semua proses kerja-kerja utama supaya mengikut amalan standard antarabangsa. MBSP telah melaksanakan tujuh (7) persijilan ISO secara serentak yang memberi manfaat langsung kepada *stakeholders*. MBSP juga meneroka Teknologi Industri 4.0 melalui projek *Smart City* dengan melancarkan *Cyber Counter* yang pertama di Malaysia yang mengandungi sepuluh (10) perkhidmatan daripada 132 perkhidmatan.

MBSP telah melaksanakan Penjenamaan (*Rebranding*) Semula Pasukan Polis Bantuan MBSP di bawah Pelan Strategik MPSP 2018-2022, di mana usaha meningkatkan imej melalui kenaikan pangkat dilaksanakan dengan memperkemaskan penampilan anggota Polis Bantuan pada 15 Mac 2019. Kenaikan pangkat adalah salah satu perancangan dalam memastikan kelancaran dan mutu kerja yang terbaik Pasukan Polis Bantuan.

MBSP turut mengiktiraf kakitangan yang komited serta mempamerkan etika kerja yang berkualiti dan integriti yang tinggi melalui pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang setiap tahun. Bagi tahun 2018, seramai dua ratus tiga puluh dua (232) orang pegawai/kakitangan MBSP telahpun menerima anugerah tersebut pada tahun 2019 berdasarkan pada pencapaian dan prestasi kerja yang cemerlang bagi tahun 2018. Lima (5) orang kakitangan daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, 61 orang daripada Kumpulan Sokongan 1 dan 166 adalah daripada Kumpulan Sokongan 2.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Selari dengan itu juga, MBSP sentiasa mengambil langkah untuk menzahirkan hasrat kerajaan bagi memantapkan integriti penjawat awam dengan pengamalan tadbir urus yang baik, membina kompetensi, meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan produktiviti warga kerja. Bagi mencapai hasrat dalam memantapkan lagi integriti dalam organisasi, MBSP melalui Bahagian Latihan telah melaksanakan pelbagai kursus, latihan dan ceramah berhubung integriti kepada kakitangan MBSP. Di antara program-program yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016 adalah:-

- i. Program-program Transformasi Minda yang dilaksanakan setiap tahun untuk warga kerja yang baru bertugas di MBSP.
- ii. Taklimat pencegahan rasuah dalam perkhidmatan awam bersama SPRM pada 29 Jun 2016
- iii. Jemputan Sebagai Pemerhati Ikrar Bebas Rasuah (IBR) (Corruption Free Pledge) Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 04 Ogos 2017
- iv. Pemerhati Ikrar Bebas Rasuah (IBR) (Corruption Free Pledge) Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 28 Julai 2017
- v. Taklimat Integriti Dan Pencegahan Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam pada 16 Jun 2017 .
- vi. Taklimat berkenaan Rasuah Dan Integriti Oleh SPRM (*Skop Anti-Bribery Management System*)

Program-program yang disusun atur ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan amalan berintegriti khususnya kepada warga MBSP. Pembudayaan amalan integriti ini diharap dapat melahirkan warga kerja yang lebih efisien, produktif dan beretika serta mampu untuk mewujudkan mekanisme kawalan bagi memastikan peraturan dan dasar yang telah ditetapkan dipatuhi seterusnya mengurangkan statistik kesalahan tata tertib.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Penguatkuasa sering mendapat tohmahan berkaitan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh MBSP. Tohmahan tersebut sering menyatakan bahawa MBSP mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas sesuatu bangsa sahaja, malahan tohmahan tersebut tidak benar sama sekali. Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah kepada mereka yang melakukan kesalahan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan yang digunakan oleh MBSP.

Dalam usaha untuk meningkatkan integriti dalam kalangan penguatkuasa MBSP, pemakaian lencana integriti ini dilihat sedikit sebanyak mengingatkan anggota penguatkuasa dalam menjalankan tugas

dengana adil dan saksama. Oleh itu, hari ini, saya akan pakaikan kepada enam (6) orang pegawai diketuai oleh Pengarah Direktorat Penguatkuasan sebagai simbolik pemakaian lencana integriti anggota penguatkuasa MBSP.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Sejak tahun 2005, Hari Integriti Kebangsaan disambut pada 5 November setiap tahun bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup dan amalan masyarakat Malaysia. Tarikh ini dipilih bersempena dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) sebagai landasan ke arah pemantapan etika dan integriti masyarakat. Saya berharap penganjuran Hari Integriti peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai ini akan dapat mencapai tujuan penganjurannya iaitu:

- Untuk memupuk kesedaran dalam kalangan warga MBSP mengenai keperluan dan kepentingan membina nilai-nilai murni dan berintegriti;
- Penglibatan dan sokongan Ketua Jabatan dan pegawai atasan melalui program ini mampu memberi tanggapan yang baik dan

membina imej MBSP ke arah mempertingkatkan sistem tadbir urus yang baik dan telus; dan

- Menangani isi-isu berkaitan kesalahan tata tertib dan mewujudkan kesedaran tentang norma tatakelakuan yang baik kepada pegawai dan kakitangan di MBSP,

Sistem tadbir urus sektor awam yang baik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan utama dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Sehubungan itu, MBSP sentiasa mengambil langkah pro-aktif untuk memantapkan integriti bagi memastikan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cemerlang dan berdaya saing tinggi.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada urusetia selaku pengajur majlis ini dan semua pihak yang turut serta menjayakan program ini. Di kesempatan ini juga, MBSP akan

menghadiahkan beg sebagai cenderahati kepada semua warga kerja MBSP yang telah bertungkus lumus menjayakan program-program selama sebulan sempena pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Salam Maulidur Rasul kepada semua kakitangan yang beragama Islam dan marilah kita sama-sama memperbanyakkan selawat kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitian evolusi bandar. Seberang Perai tidak mencapai taraf bandaraya secara kebetulan tetapi mencapainya dari usaha gigih Ahli Majlis, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Kakitangan, Wira Orange, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Oleh itu, saya berharap agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow**”.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**